

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Khabar yang terhebat mula-mula sesudah Tengku Abdul Rahman Ketua Menteri Persekutuan memboikot perayaan Jubli Intan Sultan Johor ialah tentang langkah segolongan pemuda yang dikatakan harus dari pemuda UMNO di Kedah. Langkahan yang serupa ini, nampaknya seperti apa yang tersiar, telah mendapat teguran dari pemimpin UMNO sendiri kerana perbuatan itu tidak baik padahnya. Langkahan bakar membakar itu dipandang seperti perbuatan orang-orang fasis sahaja – tidak dibuat orang di dalam negeri-negeri yang bercita-cita kepada dasar demokrasi. Kejadian pembakaran gambar Sultan Johor di Kedah itu adalah mengingatkan orang kepada kejadian 28 Oktober 1953 di dalam mana UMNO diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sendiri telah mengadakan suatu perarakan membakar Qalam dan Warta di Johor Bahru kerana Qalam dan Warta mengkritik Tunku dengan langkah-langkahnya yang dipandang harus merosakkan muslihat orang-orang Melayu amnya – iaitu kebebasan yang digunakan olehnya (Warta dan Qalam) di dalam negeri-negeri yang berdasarkan demokrasi.

\* \* \*

Di dalam ucapan-ucapannya yang terdahulu, Tengku Abdul Rahman, Ketua Menteri Kerajaan Perikatan mengatakan bahawa sekiranya langkah pengampunan beramai-ramai itu tidak berjaya maka beliau akan mengadakan suatu kerahan am untuk menghapuskan darurat sekarang. Tetapi kemudian, di dalam ucapan-ucapannya pada masa-masa yang akhir, Tunku mengatakan pula bahawa apabila seruan pengampunan beramai-ramai itu tidak diterima oleh orang-orang komunis maka untuk menyelenggarakannya diserahkannya kepada orang ramai. Sebahagian orang yang mengikuti akan ucapan-ucapan Tunku mengatakan mana satu

hendak dipegang – dahulu berjanji hendak mengadakan kerahan am dan sekarang pula menyerahkannya kepada orang ramai. Bukananya dalam perkara ini sahaja yang berlawanan di antara ucapan-ucapan Tunku, kata mereka, tetapi banyak lagi dalam perkara-perkara lain yang sepatutnya mestи diperhati oleh Tengku sendiri.

\* \* \*

Jika Sultan Johor, yang berucap kepada rakyatnya sekali setahun telah dituntut oleh orang-orang Perikatan supaya cakap-cakapnya mestи disemak dahulu maka sepatutnya pula orang-orang Perikatan ini menuntut pula supaya ucapan-ucapan Tunku dan juga Menteri-menteri Perikatan disemak terlebih dahulu supaya di antara ucapan-ucapannya di satu tempat dengan di lain tempat tidak berlagak dengan sendirinya: dan tidak pula berlagak di antara menteri dengan menteri yang lainnya. Demikian inilah pendapat orang-orang yang mengikuti ucapan-ucapan Tunku dan Menteri-menteri Perikatan.

Misal yang diberi oleh orang-orang ini ialah di dalam ucapannya di Kuala Kangsar Menteri Tanaman-tanaman Encik Abdul Aziz Bin Ishak mengatakan bahawa orang-orang putih mestilah digantikan oleh orang-orang Malayan kerana mereka itu mendapat gaji-gaji yang besar ringkasnya orang putih mestи keluar sedang lain-lain menteri pula menghendaki supaya British memberi bantuannya bahkan “bersyukur” kerana keikhlasan kerajaan Australia menghantarkan tenteranya ke Malaya ini. Banyak lagi hal-hal yang serupa itu yang menunjukkan bahawa dasar kerajaan Perikatan itu tidak konkrit dan orang-orangnya tidak sekata dan bercakap tidak dicerminkan kepada apa yang dicakapkan pada masa-masa yang lalu – kata mereka.

Sesudah tiba tentera Australia di Malaya, Setiausaha Agung UMNO, A. Sanu telah membidas kemasukan tentera asing itu, Tengku Abdul Rahman pula berpendapat bahawa kedatangan tentera Australia itu adalah dengan “ikhlas” dihantarkan untuk menghapuskan darurat di Malaya dan kerana itu mestilah disambut. Jika tentera Gurkha dan Fiji yang ada di sini tidak dibantah maka mengapa pula tentera Australia mesti dibantah pada hal kedatangannya dengan ikhlas – kata Tengku.

Pemuda-pemuda UMNO Geylang yang telah bercadang membawa bantahan itu dalam permesyuaratan perwakilan UMNO Singapura setelah mendengar ucapan Tunku itu dikatakan telah membisu. Tidak diketahui adakah yang demikian kerana terdesak oleh ucapan Tunku ataupun “dinasihat” supaya jangan membawa perkara itu kerana Tengku tidak berkenan.

Sebahagian orang, ada juga di antaranya orang-orang UMNO sendiri, berpendapat bahawa tentera Australia itu adalah tentera asing, ia berlainan dengan tentera Gurkha dan Fiji kerana kedua-duanya yang akhir ini adalah tentera-tentera jajahan British dan pegawai-pegawaiannya boleh dikata semuanya orang-orang British. Tentera Australia itu semuanya, daripada pegawaiannya hingga ke bawah, daripada orang-orang Australia sendiri.

“Keikhlasan” yang disebut itu bukanlah kerana mengawal Malaya tetapi adalah kerana tujuan-tujuan pertahanan negerinya sendiri – ini ialah fikiran sebahagian orang yang tidak gemar kepada adanya tentera Australia di sini, mereka berpendapat bahawa Australia tidak akan menghantarkan pasukannya ke mari jika tidak memandang sebagai hantaran pasukan hadapan untuk menghadapi bahaya-bahaya komunis dan untuk mempelajari cara-cara perjuangan di hutan. Pendeknya mereka berpendapat bahawa dengan kedatangan askar Australia itu bermakna menjadikan Malaya sebagai medan hadapan untuk pertahanan Australia.

Di Indonesia sekarang ini sedang menghadapi pemilihan

umum. Dalam masa menulis ini kedudukan pemilihan itu yang pertama ialah P. N. I. (Nasionalis). Yang kedua Masyumi, yang ketiga Nahdatul ‘Ulamā’ dan yang keempat Komunis, harus Masyumi akan dapat melebihi Parti Kebangsaan itu. Sungguhpun begitu, sebahagian pihak tidak berpuas hati tentang kejayaan yang didapat oleh Masyumi kerana kemenangan itu jauh daripada apa yang dijangka.

Seorang pemimpin yang singgah di sini dalam perjalanan ke Jakarta tatkala ditanya menyatakan bahawa yang demikian berlaku adalah kerana kecurangan-kecurangan yang sememangnya disusun oleh Jemaah Menteri ‘Ali-‘Arifin dahulu, di dalam mana hampir semua pegawai-pegawai dan kakitangan pemilihan itu terdiri daripada orang-orang kebangsaan dan dengan kerana itu, katanya, telah berlaku di Medan kalau umpama Masyumi dapat 120 suara dan komunis 80 suara – angka itu dibalikkan iaitu komunis 120 suara sedang Masyumi terkadang-kadang ditulis dibawah dari 80 suara.

Selain daripada itu, kebanyakan pemimpin-pemimpin yang siuan fikirannya sekarang mengharap ada kerjasama di antara Parti Kebangsaan dengan Masyumi. Kemungkinan dalam perkara ini ada terutamanya dengan meninggalnya Ketua Parti Kebangsaan Sidik Joyosukarto. Pendapat umum di Indonesia menyatakan sekiranya Parti Kebangsaan menubuhkan sebuah kerajaan kerjasama dengan komunis maka negara Indonesia harus akan hancur – katanya. Keadaan-keadaan seperti di Aceh dan Jawa Barat harus akan timbul di beberapa tempat lagi. Inilah perkara-perkara yang sangat-sangat dikhawatirkkan oleh pemimpin-pemimpin bebas dan kerana itulah mereka sedang berusaha untuk mencari jalan supaya ada kerjasama di antara Parti Kebangsaan dan Parti Islam dengan menjauhkan komunis.

\* \* \*

Riwayat pekik “Merdeka” di perayaan Mawlid Nabi yang telah dibesar-besarkan oleh harian Melayu tempatan itu adalah

dituduh datangnya dari Persekutuan Seruan Islam se-Malaya dan oleh Jawatankuasa perayaan Mawlid Singapura setelah disiasat maka ahli-ahli Jawatankuasa Persekutuan Seruan Islam tidak tahu sama sekali perkara itu. Mereka tidak pernah ada mengambilsesuatu keputusan tentang ini dan demikian juga ahli-ahli Jawatankuasa *Mawlid al-Sharif*. Oleh itu adalah menjadi kewajipan bagi setiausaha keduanya menafikanya, supaya nama baik *jam'iyyah* dan Jawatankuasa Mawlid tidak dijadikan sasaran oleh orang-orang yang hendak mencari jalan supaya ada perpecahan di dalam Islam. Awaslah kepada anasir yang seperti itu.

\* \* \*

Di Singapura sekarang ini sedang sibuk perkara "undang-undang keselamatan awam" yang dicadangkan sebagai ganti undang-undang darurat. Yang membantah adanya undang-undang keselamatan itu hanyalah Parti "PETIR" sahaja dan kerana itu mereka mengadakan rapat raksasa untuk membantah ke atas undang-undang itu. Orang ramai berpendapat bahawa undang-undang yang seperti itu, bahkan lebih ketat daripada itu, patut diadakan kerana semenjak kerajaan *Labour Front* berdiri sudah ada 214 pemogokan berlaku. Yang menderita dalam hal ini bukannya orang-orang atasan tetapi orang-orang awam dan orang pertengahan. Jadi undang-undang yang seperti itu, kerana keselamatan orang-orang awam, mestilah dijalankan kerana orang-orang yang cuba mengacu keselamatan sahaja yang tidak berkenan kepada adanya undang-undang yang tersebut.

\* \* \*

Semilion setengah ringgit lebih wang yang didapat atau dipungut dalam Singapura ini dari hasil adanya undang-undang "Provident Fund" wang itu tentulah yang terbanyaknya dibayar oleh majikan-majikan – termasuk majikan-majikan kecil atau perusahaan-perusahaan, pekedai dan seumpamanya yang kecil. Wang itu disimpan dan sudah tentu bunganya didapat, sedang keluh-kesah majikan-majikan kecil dalam hal ini tidak mendapat perhatian – sebahagian majikan-majikan kecil melihat kepada rancangan undang-undang

memerhatikan kesenangan-kesenangan pekerja, semakin berasa kuatir kerana nampaknya mereka mengikut cara-cara negeri barat di dalam mana pekerja-pekerja itu banyak bekerja di dalam perusahaan besar sahaja. Semuanya itu dipandang mereka sebagai berat sebelah kerana apa yang dirancang itu memberatkan tanggungan majikan-majikan kecil sedang tidak ada satu usaha pun yang memikirkan ikhtiar-ikhtiar untuk membantu dan meringankan bebanan majikan-majikan kecil di Singapura ini. Dengan adanya wang-wang simpanan sebanyak satu setengah milion tiap-tiap bulan itu apa tidakkah ada kerajaan *Labour Front* membuat satu-satu ikhtiar mengadakan pinjaman bantuan atau seumpamanya kepada majikan-majikan kecil kerana tidak patut hanya memikirkan keselamatan pekerja-pekerja sahaja dengan tidak pula memikirkan keselamatan majikan-majikan kecil yang sentiasa di dalam keadaan kesempitan dari semasa ke semasa, dan menerima pula bebanan-bebanan yang diperundang-undangkan.

\* \* \*

Sekarang Bas Trifshon Company mogok untuk menyenangkan kanak-kanak sekolah maka Pejabat Pelajaran berusaha mengadakan lori-lori untuk membawa pergi dan balik kanak-kanak sekolah. Beratus-ratus lori digunakan dengan dikawal pula oleh mata-mata. Kerana pejabat Qalam ini berhampiran dengan sekolah maka dalam masa pagi, tengah hari dan petang ramailah nampak kanak-kanak itu menunggu lori-lori yang bakal ditumpanginya. Apabila lori-lori itu tidak muat maka kedengaranlah kanak-kanak kita Melayu mengeluarkan perkataan yang kasar dan keji yang sepatutnya tidak terkeluar daripada mulut mereka. Beberapa orang di situ memberi fikiran apakah sememangnya kanak-kanak kita itu tidak terdidik kesopanan oleh ibunya ataupun oleh gurunya. Adalah molek benar bagi guru-guru di sekolah khususnya mengadakan didikan akhlak dan perangai kepada kanak-kanak itu supaya mereka berkelakuan baik, bertutur kata baik kerana mulia sesuatu bngsa itu ialah daripada adab perangainya yang baik dan budi bahasa yang tinggi.